

H0272101 WA1319567975 06/12/2019 12:34:42
WA-24NCC-202-04/2019
TSP058.....300.00 x 1
Jumlah RM*****300.00

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN DAGANG)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCC-202-04/2019

Dalam perkara mengenai Golden Palm Growers Berhad;

DAN

Dalam perkara mengenai Skim Golden Palm Growers Berhad dan Prospektus (yang ditubuhkan menurut *Division 5 of Part IV, Akta Syarikat 1965 (Akta 125)*);

DAN

Dalam perkara mengenai Suratikatan Amanah ("*Trust Deed*") bertarikh 26.7.2010 di antara Golden Palm Growers Berhad dan AmTrustee Berhad;

DAN

Dalam perkara mengenai Perjanjian Pengurusan Penanam ("*Grower's Management Agreement*");

DAN

Dalam perkara mengenai Resolusi bertarikh 2.10.2017;

DAN

Dalam perkara mengenai Notis Mesyuarat Penanam-Penanam ("*Notice of Meeting of Growers*") bertarikh 30.3.2019 yang akan diadakan pada 22.4.2019;

DAN

Dalam perkara mengenai Cadangan Resolusi-Resolusi No. 1, 2 & 3 di Notis Mesyuarat Penanam-Penanam ("*Notice of Meeting of Growers*") bertarikh 30.3.2019 yang akan diadakan pada 22.4.2019;

DAN

Dalam perkara mengenai Notis Rekuisisi Mesyuarat Penanam-Penanam ("*Growers' Notice of Requisition of Meeting*") bertarikh 28.2.2019;

DAN

Dalam perkara mengenai Akta Skim Kepentingan 2016 ("*Interest Schemes Act 2016*") (Akta 778);

DAN

Dalam perkara mengenai Aturan 15 Kaedah 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah, 2012;

DAN

Dalam perkara mengenai Aturan 7(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah, 2012;

ANTARA

LING NGONG HIANG
(NO. K/P: 440920-08-6089)
(mendakwa dalam kapasitinya sendiri dan juga sebagai Wakil bagi pihak Penanam-Penanam dalam Senarai yang dilampirkan di sini sebagai Jadual 1A.)

... PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

GOLDEN PALM GROWERS BERHAD
(NO. SYARIKAT: 762196-T)

... DEFENDAN

DAN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

... PENCELAH

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
ONG CHEE KWAN
PADA 11 NOVEMBER, 2019

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH

(Kandungan 8)

ATAS SAMAN PEMULA Plaintiff yang dinamakan di atas yang ditetapkan untuk pendengaran pada 26.9.2019 dalam kehadiran Jerry Ling Young Tuen (bersama-sama dengan James Ling Ngong Hiang), Peguam bagi pihak Plaintiff-Plaintif, Gopal Sreenevasan (bersama-sama dengan Tan Shang Neng), Peguam bagi pihak Defendan, Muhammad Hasif bin Ghazali, Peguam bagi MTrustee Berhad dan Fadilah Abdul Wahab, Pegawai Undang-Undang untuk pihak Pencelah **DAN SETELAH MEMBACA** Saman Pemula (Terpinda) bertarikh 13.5.2019 dan semua Affidavit-Affidavit dan Penghujahan-Penghujahan Bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang difailkan di sini **DAN SETELAH MENDENGAR** Peguam-Peguam tersebut **DAN SETELAH** menangguhkan kepada hari ini untuk keputusan dalam kehadiran Peguam-Peguam tersebut, **ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:-

- (1) Defendan tersebut untuk membeli semula semua permohonan-permohonan pembelian semula yang telah dikemukakan dan diterima dari Plaintiff dan/atau sesiapa atau semua Penanam-Penanam yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan 1A dalam OS 202 sehingga ke tarikh Perintah ini pada harga pembelian semula yang dikira berdasarkan atas terma-terma dalam Suratikatan Amanah dan/atau Perjanjian Pengurusan;
- (2) Defendan tersebut membayar kepada Plaintiff dan semua Penanam-Penanam yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan 1A dalam OS 202 semua "Guaranteed Net Yields" yang terakru untuk Fasa 2 dalam Skim tersebut

untuk tempoh dari 20.8.2016 sehingga 19.8.2017, dari 20.8.2017 sehingga 19.8.2018 dan dari 20.8.2018 sehingga 19.8.2019 dalam jumlah-jumlah yang dikira mengikut dengan terma-terma dalam Perjanjian Pengurusan itu;

- (3) Kos sebanyak RM25,000.00 dibayar oleh Defendan kepada Plaintif dalam masa 14 hari dari tarikh Perintah ini.

Bertarikh 11 November 2019



NOR ASMA BINTI DATO' AHMAD
Timbalan Pendaftar.....
 Mahkamah Tinggi Malaya
 Mahkaman Tinggi Malaya
 Kuala Lumpur
 Kuala Lumpur

Perintah ini adalah difailkan oleh Tetuan Lee, Ling & Partners, peguamcara bagi Plaintif-Plaintif di atas yang mempunyai alamat penyampaiannya di Unit No. 3-02, Seri Bukit Ceylon, No. 8, Lorong Ceylon, Off Jalan Raja Chulan, 50250 Kuala Lumpur.

[Tel : 03-2078 7598 Fax : 03-2070 8863]

PERINTAH(CS202).LNH2500 (YTL/LNH/2500.2019)